Zuki bin Mohd lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — RAYUAN JENAYAH NO 42–19 TAHUN 2005
VT SINGHAM H
24 NOVEMBER 2009

Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Kes prima facie — Penilaian maksimum — Sama ada terdapat jurang penting yang perlu diperjelaskan — Sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan munasabah — Sama ada hakim perbicaraan khilaf dalam menyabitkan tertuduh

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 376 — Rogol — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Laporan polis pengadu dibuat enam minggu selepas kejadian — Sama ada pengadu seorang yang boleh dipercayai — Sama ada keterangan diberi pertimbangan secara kehakiman — Sama ada keperluan keterangan sokongan dinilai dengan sewajarnya — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie

Perayu di dalam rayuan ini merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang telah mendapati perayu bersalah dan mensabitkan perayu dengan kesalahan di bawah s 376 Kanun Keseksaan, iaitu, merogol. Perayu telah dijatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun dan dengan tiga kali sebatan. Perayu yang tidak berpuashati terhadap keputusan tersebut memfailkan rayuan kepada mahkamah ini. Dalam kes ini kejadian berlaku pada 28 Februari 2004 tetapi laporan polis oleh pengadu hanya dibuat pada 14 April 2004 iaitu selepas dua sesi kaunseling diberi kepada beliau oleh SP2, seorang kaunselor di Unit Bimbingan Universiti Pertanian Malaysia. Pada masa kejadian, pengadu adalah seorang pelatih di Pusat Latihan Khidmat Negara yang berumur 17 tahun, iaitu, beliau melepasi umur statutori. Pengadu di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau ditampar di kedua-dua belah pipi dan dipaksa untuk melakukan seks di dalam sebuah kereta kecil, Perodua Kancil. Walau bagaimanapun tidak ada sebarang keterangan diberi bahawa dia mengalami sebarang bengkak atau apa-apa kesan yang lain. Isu-isu yang dipertikaikan, antara lain; (i) sama ada mahkamah ini harus campur tangan terhadap keputusan hakim bicara kerana sabitan adalah tidak selamat; dan (ii) sama ada keputusan hakim bicara yang mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan dapat dikekalkan di atas fakta-fakta dan undang-undang.

Diputuskan, membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman:

(1) Tidak ada sebarang penjelasan yang munasabah daripada pengadu

A kenapa beliau mengambil masa selama enam minggu atau 44 hari untuk membuat laporan polis. Pengadu berada dalam kawalan pihak berkuasa di Pusat Latihan Khidmat Negara pada semua masa yang material dan sehingga beliau membuat laporan polis. Malangnya, tidak ada apa-apa tindakan yang positif diambil oleh pihak berkuasa di pusat tersebut untuk menghubungi polis kerana didapati pegawai-pegawai atasan di pusat tersebut tidak pasti sama ada kejadian seperti yang diceritakan oleh pengadu benar atau tidak. Perkara-perkara seperti ini harus dan patut diberi pertimbangan oleh mahkamah perbicaraan tetapi tidak diberi pertimbangan sama sekali (lihat perenggan 4(d)).

(2) Seterusnya 'conduct' pengadu dan tertuduh selepas tarikh kejadian, iaitu keluar bersama-sama ke pasar malam, sekiranya diambil kira, adalah lebih konsisten dengan 'sexual intercourse' yang kononnya diadakan adalah dengan 'consent' di mana pengadu adalah berumur 17 tahun pada masa kejadian tersebut berlaku dan tidak ada kesalahan rogol (lihat perenggan 16).

(3) Keterangan daripada doktor, SP13, bahawa ada kemungkinan koyakan di 'hymen' berlaku sebelum 28 Februari 2004 dan perkara ini telah membawa kepada keraguan sama ada berlaku apa-apa persetubuhan seks ke atas pengadu pada 28 Februari 2004 dan keterangan ini harus diambilkira bersama dengan keseluruhan keterangan bagi kes pendakwaan (lihat perenggan 28).

(4) Persetubuhan seks di dalam kereta kecil jenis Perodua Kancil tidak akan berlaku tanpa persetujuan oleh pengadu di mana ianya tidak membawa kesan bengkak di badannya. Sekiranya cerita pengadu bahawa dia ditampar di bahagian pipi dan muka serta melawan diterima ada kemungkinan besar pengadu akan mengalami kesan bengkak dan calar di bahagian badan dan perkara ini tidak diambilkira oleh hakim bicara. (lihat perenggan 32).

(5) Walaupun undang-undang tidak memerlukan bahawa sokongan mesti dibuktikan, tetapi mengikut amalan dan *prudence* bahawa sokongan adalah *desirable* dalam kesalahan seksual dan khususnya pengaduan tidak dibuat dalam tempoh masa yang munasabah atau pada peluang pertama yang dipunyai oleh pengadu selepas kejadian (lihat perenggan 20).

(6) Walaupun seramai 17 orang saksi telah memberi keterangan bagi kes pendakwaan, keterangan-keterangan tersebut apabila dibaca dan diteliti serta dinilai secara keseluruhan dan kehakiman di atas penilaian maksimun seperti dikehendaki dari segi undang-undang pada peringkat kes pendakwaan, tidak membawa kepada satu kes prima facie. Sebarang

keraguan yang didapati di atas kes pendakwaan dan kredibiliti pengadu diragui, manfaat keraguan harus diberikan kepada tertuduh (lihat perenggan 31).

[English summary

The appellant in this appeal was appealing against the decision of the sessions court judge who had found the appellant guilty and convicted the appellant with the offence under s 376 of the Penal Code ie rape. The appellant was imposed with sentence of imprisonment for 12 years and three strokes. The appellant, being not satisfied with the decision filed an appeal to this court. In this case the incident took place on 28 February 2004 but the police report by the claimant was only made on 14 April 2004, ie after two counseling sessions with her by SP2, a counselor at the 'Unit Bimbingan University Pertanian Malaysia'. At the time of the incident, the claimant was a trainee at the National Service Training Centre aged 17 years, ie she had passed her statutory age limit. The claimant in her evidence testified that she was slapped on both her cheek and was forced to have sexual intercourse in a small car, Perodua Kancil. However, there was no evidence led to show that she had any swelling or other marks. The issues in dispute were, inter alia; (i) whether the court should interfere with the trial judge's decision as the conviction was not safe; and (ii) whether the decision of the trial judge in finding that the prosecution had successfully established a prima facie case at the end of the prosecution was sustainable in fact and law.

Held, allowing the appeal; setting aside the conviction and sentence:

(1) There was no reasonable explanation from the claimant as to why she took about six weeks or 44 days to make the police report. The claimant was in the control of the authorities at the National Service Training Center at all material time until she made the police report. Unfortunately, there was no positive action taken by the authorities at the centre to call the police as it was found that the officers at the centre was unsure as to whether the incident as told by the claimant was true or not. The matters such as this must and should be given consideration by the trial court but, it was never done (see para 4(d)).

(2) Further, the conduct of the claimant and the accused after the date of the incident, ie going out together to the night market, if taken into account was more consistent with sexual intercourse allegedly with consent whereby the claimant was 17 years old at the time of the incident and there was no offence of rape (see para 16).

(3) The evidence of the doctor, SP13, that there was possibility that the tear to the hymen could have occurred before 28 February 2004 and this had raised the doubt as to whether there was any sexual intercourse by

A the claimant on 28 February 2004 and this evidence ought to be taken into account together with the evidence of the prosecution's case as a whole (see para 28).

(4) Sexual intercourse in the small car Perodua Kancil could not take place without the consent of the claimant whereby there was no swelling marks on her body. If the claimant's story, that she was slapped on her cheeks and face and that she had resisted, was accepted there was high possibility that the claimant would have suffered swelling and scratch marks on her body and this matter was not taken into account by the trial judge (see para 32).

(5) Although the law does not require that corroboration need to be established, however, according to the practice and prudence that corroboration was desirable in sexual offences and especially where the complaint was not done within the reasonable period or at the first available opportunity by the claimant after the incident (see para 20).

(6) Although 17 witnesses had testified for the prosecution, the evidence when read and evaluated and assessed as a whole and judicially on maximum evaluation as required by the law at the stage of the prosecution's case, it had failed to establish a prima facie case. Any doubts found on the prosecution's case and the doubts as to the claimant's credibility, the benefit of the doubt ought to be given to the accused (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kes prima facie, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2945–2957.

Untuk kes-kes mengenai s 376, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1693–1718.

Kes-kes dirujuk

Ah Mee v PP [1967] 1 MLJ 220, MP (dirujuk)

AW Khan v State AIR 1962 Cal 641; 1962 (2) Cr LJ 751; 1963 A Cr R 11; 1963 AWR (Sup) 7 (DB) (dirujuk)

Baburao Ramdas Padgil v State of Maharashtra 1995 (4) Crimes 16 (Bom-DB) (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)

Balasingham v PP [1959] MLJ 193, MT (dirujuk)

Balwant Singh v PP [1960] MLJ 264, MT (dirujuk)

Berahim v PP [1968] 1 MLJ 298, MP (dirujuk)

Bhola Pandey v State of Bihar 2005 (4) Crimes 428 (Pat) (dirujuk)

Bhagwan Charan Mate v State of Maharashtra 2006 (1) Crimes 305 (Bom) (dirujuk)

Chiu Nang Hong v PP [1963] MLJ 119, MR (dirujuk)

Ch'ng Lian Eng v PP [1983] 1 MLJ 424, MT (dirujuk)
Chin Khing Siong v Rex [1952] MLJ 74, MT (dirujuk)
Chiu Nang Hong v PP [1965] 1 MLJ 40, PC (dirujuk)
Choga v State of Rajasthan 2004 (1) Crimes 444 (Raj) (dirujuk)
Choo Chang Teik & Anor v PP [1991] 3 MLJ 423, MA (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
DPP v Kilbourne [1973] 1 All ER 440, HL (dirujuk)
Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 2 AMR 1135, MA (dirujuk)
Gurcharan Singh v State of Haryana AIR 1972 SC 2661; (1972) 2 SCC 749 (dirujuk)
Hoh Keh Peng v PP [1948] MLJ 3, MR (dirujuk)
Ibrahim v PP [1962] MLJ 235, MT (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 273, MT (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 306, MP (dirujuk)
Joseph s/o Kooveli Poulo v State of Kerala 2000 (2) Crimes 230; AIR 2000 SC 1608; (2000) 5 SCC 197; 2000 Cr LJ 2467 (dirujuk)
Kalimuthu v PP [1955] MLJ 187, MT (dirujuk)
Kali Ram v State of HP AIR 1973 SC 2773 (dirujuk)
Kanhaiya v State of Chhattisgarh [2006] (2) Crimes 327 (dirujuk)
Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor [1975] 1 MLJ 119, MP (dirujuk)
Kiew Foo Mui & Ors v PP [1995] 3 MLJ 505, MA (dirujuk)
Koh Eng Soon v Rex [1950] MLJ 52, MT (dirujuk)
Krishnan v PP [1987] 1 MLJ 292, MA (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)
Madho Ram v State of UP AIR 1973 SC 469 (dirujuk)
Mohamed Ali v PP [1962] MLJ 230, MT (dirujuk)
Nachatar Singh Bhag Singh v PP [1986] 2 CLJ 452, MT (dirujuk)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137, MA (dirujuk)
Peru @ Prabhulal v State of MP 2006 (3) Crimes 289 (MP) (dirujuk)
Phoon Liat Sum v PP [1950] MLJ 205, MT (dirujuk)
Powel and Wife v Streatham Manor Nursing Home [1935] AC 243, HL (dirujuk)
PP v Kau Joo Huat [1988] 2 MLJ 91, MA (dirujuk)
PP v Ma'arif [1969] 2 MLJ 65, MT (dirujuk)
PP v Mardai [1950] MLJ 33, MT (dirujuk)
PP v Mohamed bin Majid [1977] 1 MLJ 121, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
PP v Mohd Ridzwan bin Md Borhan [2004] 5 MLJ 300, MT (dirujuk)
PP v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576, MT (dirujuk)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678, MT (dirujuk)
PP v R Balasubramaniam [1948] MLJ 119, MT (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16, MT (dirujuk)

PP v Selvarajah [1984] 1 MLJ 93, MT (dirujuk)
R v Baskerville [1916] 2 KB 658 (dirujuk)
R v Courtie [1984] 1 All ER 740, HL (dirujuk)
R v Lillyman [1896] 2 QB 167 (dirujuk)
R v Kelly (1992) 92 DLR (4th) 643 (SCC) (dirujuk)
R v Wallace 23 Cr App 32 (dirujuk)
Rameshwar v State of Rajasthan AIR 1952 SC 54; 1952 Cr LJ 547; 1952 SCR 377 (dirujuk)
Sailendra Kumar v Territory of Tripura AIR 1959 Tri 11; 1959 Cr LJ 237 (dirujuk)
Sarwan Singh Rattan Singh v State of Punjab, and State of Punjab and Harbans Singh Bhan Singh, and Harbans Singh Bhan Singh v State of Punjab AIR 1957 SC 637 (dirujuk)
Shanker Lal v State of Rajasthan 2006 (1) Crimes 131 (Raj) (dirujuk)
Sia Soon Suan v PP [1966] 1 MLJ 116, MP (dirujuk)
Sidheswar Ganguly v State of West Bengal 1958 SCR 749; AIR 1958 SC 143 (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, CA (dirujuk)
State of Karela v MM Mathew & Anor AIR 1978 SC 1571 (dirujuk)
Surjan v State of MP AIR 2002 SC 476; (2001) 3 Crimes 393 (dirujuk)
Tan Tek Yan v Samuel [1964] MLJ 283, MP (dirujuk)
Tan Thong Jin v PP [2002] 3 MLJ 695, MR (dirujuk)
Tai Chai Keh v PP [1948–1949] Supp MLJ 105, MR (dirujuk)
Tara Singh and others v PP [1949] MLJ 88 (dirujuk)
Tengku Mahmood v PP [1974] 1 MLJ 110, MT (dirujuk)
Teo Chwee Geok v Ng Hui Lip & Company [1967] 1 MLJ 245, MP (dirujuk)
Teo Thin Chan & Anor v PP [1957] MLJ 184, MT (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (dirujuk)
Tua Kin Ling v PP [1970] 2 MLJ 61, MT (dirujuk)
Velasquez Ltd v Inland Revenue Commissioners [1914] 3 KB 458 (dirujuk)
Watt v Thomas [1947] AC 484, HL (dirujuk)
Wong Chong Chow v Pan-Malaysian Cement Works Bhd [1980] 2 MLJ 75, MP (dirujuk)
Woolmington v DPP [1935] AC 462, HL (dirujuk)
Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117, PC (dirujuk)
Yusoff bin Kassim v PP [1992] 2 MLJ 183, MA (dirujuk)
Zahari bin Yeop Baai & Anor v PP [1980] 1 MLJ 160, MT (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Kanun Keseksaan s 376
Kanun Prosedur Jenayah s 173(f)

Sukri bin Mohamed (Wan Haron Sukri & Nordin) bagi pihak perayu.

Badiuzzaman bin Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

VT Singham J:

[1] Ini adalah satu rayuan oleh perayu/tertuduh yang merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen, Kuala Terengganu yang bijaksana yang diberikan pada 19 Disember 2005. Hakim mahkamah sesyen telah mendapati perayu bersalah dan mensabitkan perayu dengan satu kesalahan di bawah s 376 Kanun Keseksaan, iaitu, merogol. Perayu dijatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun bermula dari tarikh hukuman, iaitu pada 19 Disember 2005 dan juga dengan tiga kali sebatan. Perayu yang tidak berpuashati terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana yang diberikan pada 19 Disember 2005, telah memfailkan satu notis rayuan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu. Notis rayuan difailkan di mahkamah sesyen pada 21 Disember 2005 dan rekod rayuan difailkan pada 10 Mei 2007. Dalam rayuan ini, perayu dan responden masing-masing dirujuk sebagai tertuduh dan pendakwa raya. Pertuduhan pindaan di mana tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan adalah:

> Bahawa kamu pada 28 hb Februari, 2004, di antara jam 7.28 malam hingga 9.10 malam, di dalam kereta WKM 1297, di dalam kawasan pertanian Rhu Tapai, Marang, dalam Daerah Setiu, Dalam Negeri Terengganu, telah merogol Shahiratul Azmin Binti Kamarulazami kad pengenalan: 860718-56-6020. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

[2] Prinsip secara am adalah mahkamah rayuan seharusnya berhati-hati untuk masuk campur di atas pendapat fakta mahkamah perbicaraan (The appellate court must be loath in disturbing the findings of fact of a trial court), di mana telah mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan. Walau bagaimanapun, prinsip itu bukanlah muktamad (absolute). Mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan bukan sahaja bertindak sebagai 'proof reader' tetapi harus memeriksa (examine) keterangan yang direkodkan bersama dengan alasan penghakiman dan alasan-alasan yang dibangkitkan dalam petisyen rayuan seperti dalam rayuan ini (rujuk kes *Powel and Wife v Streatham Manor Nursing Home* [1935] AC 243; *Tan Tek Yan v Samuel* [1964] MLJ 283 di ms 284; *Tan Thong Jin v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 695 di ms 701). Dalam rayuan ini, soalan yang timbul adalah, sama ada sabitan dapat dikekalkan.

Dalam kes *Tan Thong Jin v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 695, Mahkamah Rayuan berkata di ms 701:

A It is a trite law that an appellate court would not readily interfere with the findings of facts arrived at by the trial court to which the law entrust the primary task of evaluation of evidence. But it is a duty of the appellate court to intervene in a case where the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the B correct questions would have arrived at the same conclusion (rujuk juga *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 di ms 399).

[3] Setelah membaca dan meneliti rekod rayuan, khususnya kes pendakwaan, mendengar dan meneliti hujah-hujah oleh peguam yang C bijaksana bagi perayu dan timbalan pendakwa raya yang bijaksana bagi pihak pendakwa raya, keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut.

[4] Setelah membaca semula (having re-read) nota-nota keterangan yang D direkodkan, alasan-alasan penghakiman oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana, rekod rayuan keseluruhan bersama alasan-alasan di petisyen rayuan dan hujah-hujah dan meneliti autoriti-autoriti dan prinsip undang-undang yang dipakai, khususnya, terhadap kesalahan seksual, mahkamah ini berpuas hati ini adalah satu rayuan yang sesuai untuk mahkamah ini masuk campur E di atas pendapat hakim mahkamah sesyen yang bijaksana kerana sabitan adalah tidak selamat dan tidak ada penilaian secara kehakiman dan di atas keseluruhan keterangan dan secara penilaian maksimum terhadap saksi-saksi, khususnya, keterangan pengadu. Mahkamah ini berpendapat bahawa keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana yang mendapati F pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan, dengan segala hormatnya, tidak dapat dikekalkan di atas fakta-fakta dan undang-undang. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa rayuan ini adalah satu pendengaran semula (re-hearing) di atas nota-nota yang dicatitkan (rujuk kes *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] G MLJ 193 di ms 194; *Public Prosecutor v Ma'arif* [1969] 2 MLJ 65 di ms 66).

(a) Mahkamah ini berpuas hati bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana gagal untuk mengambil kesempatan untuk menilai dan memberi pertimbangan secara kehakiman di atas keterangan saksi-saksi, H di mana beliau melihat dan mendengar di atas keseluruhan kes (rujuk kes *Wong Chong Chow v Pan-Malaysian Cement Works Bhd* [1980] 2 MLJ 75; *Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119 di ms 121; *Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam* [1975] 2 MLJ 117 di ms 124).

I Where there is no judicial appreciation of the evidence of a witness then an appellate court may intervene on the ground that 'the trial court had not taken proper advantage and his having seen and heard the witnesses (rujuk kes *Watt v Thomas* [1947] AC 484) or that he 'did not view the whole of the evidence objectively and from all angles, with the result that the appellant

had lost the chance which was fairly open to him of being acquited' (rujuk juga kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137 di ms 142). A

(b) Mahkamah ini berpuas hati bahawa kekhilafan tersebut berlaku dalam kes ini dan mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan terpaksa masuk campur terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana. B

> In my judgment, since the learned president had failed to do what he was required to do, that is, to take a critical appreciation in his examination of the complainant's evidence, he had not taken proper advantage of his having seen and heard him, so that his mistaken view had coloured his approach to the issue of credibility so gravely that there was such a misdirection that made the judgment wholly unsatisfactory (per Raja Azlan Shah (FCJ) (pada masa itu) dalam kes *Tengku Mahmood v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 110 di ms 113(g)–(i)) C D

(c) Dalam kes ini kejadian berlaku pada 28 Februari 2004 tetapi laporan polis oleh pengadu hanya dibuat pada 14 April 2004. Pada masa kejadian, pengadu adalah seorang pelatih di Pusat Latihan Khidmat Negara yang berumur 17 tahun, iaitu, beliau melepasi umur statutori (melebihi 16 tahun). E

(d) Tidak ada sebarang penjelasan yang munasabah daripada pengadu kenapa beliau ambil masa selama enam minggu atau 44 hari untuk pergi ke balai polis untuk membuat laporan polis, sekiranya beliau telah dirogol dan seperti yang didakwa terhadap satu perbuatan yang serius terhadap beliau. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa pengadu ada dalam kawalan pihak berkuasa di Pusat Latihan Khidmat Negara pada semua masa yang material dan sehingga beliau membuat laporan polis. Malangnya, tidak ada apa-apa tindakan yang positif yang diambil oleh pihak berkuasa di Pusat Latihan Khidmat Negara untuk menghubungi polis kerana didapati pegawai-pegawai atasan di pusat tersebut tidak pasti sama ada kejadian seperti yang diceritakan oleh pengadu benar atau tidak. Perkara-perkara seperti ini harus dan patut diberi pertimbangan oleh mahkamah perbicaraan tetapi tidak diberi pertimbangan sama sekali. F G H

(e) Alasan pengadu yang diberi kepada pegawai-pegawai atasan di Pusat Latihan Khidmat Negara untuk enggan membuat laporan polis kerana ia akan memalukan keluarga dan melibatkan soal maruah bukanlah satu alasan yang munasabah serta tidak boleh diterima apabila meneliti keseluruhan keterangan bagi kes pendakwaan dan khususnya, 'conduct' dan gerak geri pengadu selepas kejadian berlaku sehingga laporan polis dibuat dan ini akan disentuh dalam alasan-alasan penghakiman mahkamah ini. I

(f) Persoalan yang timbul adalah sekiranya laporan polis akan membawa malu kepada keluarga dan membabitkan soal maruah, mengapa laporan polis dibuat sama sekali? Sekiranya itu adalah alasan yang sebenarnya, di mana adalah tidak munasabah dan perkara ini juga harus diambilkira dalam pendapat fakta oleh mahkamah perbicaraan tetapi tidak diberi pertimbangan secara kehakiman di atas keseluruhan keterangan. Juga kelakuan dan gerak-geri pengadu selepas kejadian tersebut, khususnya, di mana pengadu sudi keluar bersama-sama dengan pelatih-pelatih lain ke pasar malam pada esok harinya sepatutnya diberi pertimbangan yang sewajarnya dan tidak boleh diketepikan untuk memutuskan sama ada terdapat 'consent'.

Dalam kes *Yusoff bin Kassim v Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 183, YA Edgar Joseph Jr HMA berkata di ms 188:

> We recognised that the learned trial judge had a great advantage, denied to this court, of seeing and hearing the witnesses and the appellant testify. Be that as it may, there is a wealth of authority for the proposition that upon an issue depending upon oral evidence where there is plainly perjury on the one side or the other, a Court of Appeal ought to be greatly influenced by the opinion of the trial judge, who has seen and heard the witnesses, except *where he has failed to observe inconsistencies or to take account of material circumstances or probabilities* (see for example, *Khoo Sit Hoh & Ors v Lim Thean Tong*) *An appellate court can, therefore, in appropriate cases, act upon its own view of the conflicting evidence* (see *Coghlan v Cumberland and Bigsby v Dickinson*). (Penekanan ditambah.)
>
> In all the circumstance, having regard to the fact that the trial judge had overlooked or failed to take into account or given proper weight to, or drawn proper inferences from, the matters to which we have adverted, which otherwise might have caused him to come to a different conclusion, we were satisfied that he had not taken proper advantage of his having seen and heard the witnesses (per Lord Thankerton in *Watt or Thomas v Thomas*) and so the present appeal came within the range of those cases where we were at liberty to act upon our own view of the conflicting evidence. *Having done so, we were amply satisfied that 'the case against the appellant was not proved with that certainty which is necessary in order to justify a verdict of guilty'* (per Hewart CJ in *R v Wallace* applied by Thomson CJ in *Jubri v Public Prosecutor*). (Penekanan ditambah.)

Dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137 di ms 142; [1993] 2 AMR 1135 di ms 1141 YA Edgar Joseph Jr HMA berkata:

> Clearly, therefore, *the trial judge, was bound to, but did not view the whole of the evidence objectively and from all angles*, with the result that the appellant has lost the chance which was fairly open to him of being acquitted. On this point, we consider that non-direction amounts to a misdirection, for in the words of Pickford J in *R v Bundy*:
>
> > … the trial was not satisfactory, and the case was not put to the jury in a way to ensure their due appreciation of the value of the evidence (Penekanan ditambah.)

We must treat the failure of a trial judge sitting alone, to direct himself correctly in the same way as a failure to direct a jury correctly. In these circumstances, a miscarriage of justice may well have occurred.

Dalam kes *Teo Chwee Geok v Ng Hui Lip & Company* [1967] 1 MLJ 245, Winslow H berkata:

> The principles applied by appellate courts in cases of trial by a single judge without a jury have received repeated consideration in a number of subsequent cases including *Benmax v Austin Motor Co Ltd* and *Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd*.
>
> It is clear that if an appellate court is satisfied that a trial judge was plainly wrong on a question of fact and that any advantage which he enjoyed by virtue of having seen and heard the witnesses was not sufficient, to explain his conclusion then it would be entitled to reject the trial judge's finding.

[5] Satu lagi perkara yang harus diambilkira, adalah sama ada pengadu adalah seorang yang kredibal kerana pada esoknya pada 29 Februari 2004, iaitu, sehari selepas tarikh kejadian pengadu ada keluar pergi ke pasar malam bersama pelatih-pelatih yang lain dan beliau tidak menceritakan apa-apa kepada pelatih-pelatih tersebut semasa dalam perjalanan. Perkara ini diakui sendiri oleh pengadu. Persoalan yang timbul, adakah munasabah sekiranya seorang seperti pengadu yang telah dirogol boleh pergi ke pasar malam esoknya dari tarikh kejadian bersama kawan-kawannya dan tidak menceritakan apa-apa semasa perjalanan melainkan untuk berhibur di pasar malam di mana perkara itu sangat luar biasa bagi seorang mangsa rogol untuk bertindak. Peluang pertama dan peluang kecemasan itu tidak digunakan untuk memaklumkan kepada rakan-rakan sepasukan malah telah berseronok bersama-sama mereka seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku. Seterusnya, pengadu juga tidak menghubungi ibu bapa selepas kejadian berlaku dan kelakuan pengadu selepas kejadian bukankah menunjukkan bahawa sekiranya perhubungan seks berlaku di antara pengadu dan tertuduh, ia adalah lebih konsisten dengan satu hubungan seks dilakukan dengan persetujuan pengadu, di mana ia bukanlah satu kesalahan rogol.

[6] Sebenarnya, keterangan kes pendakwaan sendiri menunjukkan bahawa walaupun pengadu tidak mahu membuat laporan polis walaupun telah dinasihati dan diminta oleh pegawai-pegawai atasan di Pusat Latihan Khidmat Negara berulang kali dan beliau hanya pergi ke balai polis untuk membuat laporan polis lebih kurang enam minggu atau 44 hari selepas dua sesi kaunseling diberi kepada beliau oleh Puan Siti Fatimah bt Abdul Ghani (SP2) seorang kaunselor di Unit Bimbingan Universiti Pertanian Malaysia. Tiada tanda-tanda trauma selepas kejadian kononnya dirogol tetapi telah pergi berhibur di pasar malam. Persoalan yang timbul adalah, mengapa orang yang dirogol perlu kaunseling untuk buat laporan polis, di mana pengadu

A sendiri enggan membuat laporan polis di atas alasan memalukan keluarga dan membabitkan soal maruah. Dalam keadaan tersebut, soalan yang timbul, adakah laporan polis oleh pengadu yang dibuat lewat, dibuat dalam keadaan desakan (under pressure) atau pujukan di mana, dengan segala hormatnya, tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim mahkamah sesyen yang B bijaksana di atas keseluruhan keterangan dan di atas penilaian maksimum (rujuk kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 2 AMR 89; *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393). Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana dan dengan segala hormatnya patut C membuat keputusan di atas keseluruhan keterangan bahawa laporan polis yang dibuat oleh pengadu bukan dibuat secara sukarela dan pada masa peluang pertama yang munasabah tetapi melepasi banyak peluang yang dipunyai oleh pengadu dan kegagalan untuk berbuat demikian tidak diberi penjelasan yang terperinci terhadap satu tohmahan yang serius terhadap D tertuduh dan hanya membuat laporan polis dalam keadaan pujukan atau kemungkinan dalam keadaan desakan. Perkara ini juga harus diberi pertimbangan apabila meneliti keterangan keseluruhan dan di tahap penilaian maksimum.

E

[7] Sejak 28 Februari 2004 pengadu mempunyai beberapa peluang dalam banyak keadaan untuk melaporkan kejadian tersebut kepada polis tetapi beliau enggan berbuat demikian walaupun telah dinasihati dan diminta untuk berbuat demikian oleh beberapa orang pegawai di Kem Latihan F Khidmat Negara berulang kali. Selanjutnya, apa yang menghairankan adalah pegawai-pegawai di Kem Latihan Khidmat Negara sendiri kurang yakin kepada cerita pengadu sehingga mereka tidak mengambil sebarang langkah-langkah untuk melaporkan aduan tersebut kepada polis sehingga dan hanya membawa pengadu ke balai polis selepas dua sesi kaunseling G diberikan dan ini pun selepas enam minggu kemudian.

Dalam kes *Tengku Mahmood v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 110 Raja Azlan Shah HMP (pada masa itu) berkata di ms 111:

H > A point which one time had caused me some anxiety is the argument of learned deputy public prosecutor that although the learned president had convicted on the uncorroborated evidence of the accomplice based on impressive demeanour, later events, that is, the police report and the abortive trap showed that there is a logical consistency with the complainant's evidence in court. He relied on a passage in the judgment:

I > > There is a logical sequence, and an inherent consistency and the truth about this narrative of PW1 which taken with all the surrounding circumstances makes it an exceptional case where the rule regarding corroboration of the evidence of an accomplice can be very safely departed from.

If I understand the passage correctly, it is said that the later events are conduct which had a direct bearing and connection with the alleged agreement and such conduct is consistent with the complainant's testimony in court that he is telling the truth regarding the said agreement. *If that is what the learned president meant, then I say he is clearly in error. In my opinion only the police report can be claimed to be of any evidential value so far as it relates to consistency of conduct and assertions of the complainant in court. That principle is well known in cases of rape and some other sexual offences*. The said complaint can only be used as evidence of the consistency of his conduct with the story told by him in court. In other words, it can only be used as evidence of credibility of his testimony to the alleged agreement but there are limits to its admission. *It must be made voluntarily and at the earliest convenient moment. It must not be made after a long lapse of 13 days as to allow fabrication*. (Penekanan ditambah.)

Dalam kes *Nachatar Singh Bhag Singh v Public Prosecutor* [1986] 2 CLJ 452, Edgar Joseph H (pada masa itu) berkata di ms 456:

> ... *this was obviously not a complaint made promptly but after a considerable lapse of time, during which period there was ample opportunity to fabricate a charge*. In the words of Raja Azlan Shah FCJ (as he then was) in *Tengku Mahmood v Public Prosecutor* [1974] MLJ 110 at p 112:
>
> > *it must be made voluntarily and at the earliest convenient moment*. It must not be made after a long lapse of 13 days as to allow fabrication.

[8] Pengadu juga mempunyai peluang yang jelas dan terbuka untuk mengadu kepada pegawai perubatan apabila beliau pergi bersama pembantu perubatan ke Pusat Perubatan Kem dan bersama seorang pelatih yang lain untuk mendapatkan rawatan pada 2 Mac 2004 di mana beliau mengadu kepada seorang pembantu perubatan (SP5) bahawa beliau sakit dada, pening kepala dan batuk dan tidak mengadu mengenai kejadian tersebut dan ini disokong oleh seorang paramedik yang lain (SP6). Seterusnya, sekiranya pengadu benar-benar telah dirogol seperti didakwa oleh pengadu mengapa beliau tidak mahu sekurang-kurangnya memberitahu kepada SP5 atau SP6 pada 2 Mac 2004 ataupun pada 13 Februari 2004 mengenai kejadian rogol yang dikatakan berlaku pada 28 Februari 2004. Pada 13 Februari 2004, pengadu yang pergi bersama seorang perempuan mengadu kepada SP5 bahawa beliau demam, sakit kepala dan batuk. Malangnya, SP5 berkata dia tidak mendengar pengadu batuk. Pada 16 Mac 2004, pengadu juga ada peluang untuk memberitahu kepada SP5 atau SP6 pada masa beliau dibawa ke pusat perubatan Kem Seberang Takir, Kuala Terengganu di mana beliau berada di pusat tersebut selama tiga hari di mana pengadu ada berjumpa dengan Dr Marghoobkan tetapi beliau masih tidak menggunakan peluang mengadu kepada doktor tersebut. Dr Marghoobkan juga tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan dan tidak ada sebarang penjelasan mengapa Dr Marghoobkan tidak dipanggil. Ini adalah peluang terbaik untuk pengadu

melaporkan kepada doktor tersebut sekiranya beliau benar-benar telah dirogol tetapi tidak ada keterangan bahawa beliau ada laporkan kepada doktor tersebut.

[9] Untuk memastikan cerita pengadu adalah benar ujian kehamilan dibuat ke atas pengadu tanpa pengetahuan pengadu. Mahkamah ini juga tidak menghargai mengapa perkara ini berlaku tanpa pengetahuan pengadu dan tidak ada sebarang penjelasan di kes pendakwaan. Tindakan seperti ini juga menimbulkan keraguan mengapa perkara ini berlaku sekiranya pengadu telah benar-benar dirogol, iaitu, sejenis kesalahan yang amat serius dan dikeji oleh masyarakat. Seterusnya, ujian kehamilan dibuat sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Mac 2004 dan 17 Mac 2004 di mana ujian menunjukkan tanda positif dan kemudian apabila satu lagi ujian dilakukan pada 19 Mac 2004 di atas permintaan pengadu ianya menunjukkan tanda negatif. Persoalan yang timbul di sini adalah sama ada apa-apa berlaku dari 17 Mac 2004 sehingga 19 Mac 2004 di mana pengadu sendiri telah meminta untuk melakukan ujian sekali lagi dan didapati negatif. SP5 juga memberitahu mahkamah bahawa bila tahu hasilnya negatif, wajah atau watak pengadu biasa sahaja. SP5 juga berkata pengadu ada memberitahu:

> kalau boleh dia tidak mahu buat laporan polis kerana tidak mahu perkara diketahui umum dan keluarga dia. Dia tidak hendak buat laporan tapi dia kata nak selesai di peringkat kem sahaja.

SP5 juga terus berkata:

> Pada 19.3.2004 ada satu perjumpaan ahli kumpulan yang melibatkan Lt. Aida (SP9), Rusinah (SP6), mangsa (SP11), dua lagi tidak kenal dan lepas itu Lt. Aida (SP9) beritahu SP5 kes telah selesai.

[10] Saksi pendakwaan Nor Saha Adlan bin Husein ('SP7') seorang kontraktor binaan, iaitu, seorang Jurulatih Fizikal dan Ilmu Ikhtiar Hidup dan Gerak Hutan yang menyatakan dia sendiri tidak lapor kepada pihak atasan selepas dapat tahu dan dikatakan bahawa pengadu telah dirogol kerana saksi tersebut sendiri tidak tahu sama ada benar atau tidak dakwaan oleh pengadu. Walau bagaimanapun, SP7 menyatakan beliau ada cadangkan kepada pengadu untuk buat laporan polis tetapi pengadu diam. SP7 juga ada tanya kepada pengadu sama ada dia hendak lapor kepada pengarah kem tetapi dia senyap.

[11] Timbalan Pengarah Pengurusan Kem Lt Norma Zuraida bt Zakaria ('SP9') hanya diberitahu tentang kejadian pada 10 Mac 2004 walaupun ada peluang untuk menghubungi beliau sama ada beliau berada di kem atau di luar kem terlebih awal tetapi ini tidak dilakukan oleh pegawai-pegawai atasan. Pada 17 Mac 2004 pengadu telah dibawa bersama Korperal Tuan

Yusni ('SP5'), Pn Russinah ('SP6') dan seorang lagi Nurul Mariza untuk sekali lagi buat ujian kehamilan dan tiga ujian yang dibuat di mana ketiga-tiga keputusan tidak tepat. Pada 16 Mac 2004, apabila pengadu diberitahu tentang ujian kehamilan positif pengadu terkejut dan hanya selepas itu di atas permintaan SP9, pengadu memberi keterangan bertulis terhadap tertuduh.

[12] Pada 17 Mac 2004 pengadu ('SP11'), tertuduh, Ahmad Irfa, urusetia dan Puan Russinah bt Muaram ('SP6'), seorang pembantu perubatan (paramedik) diminta ke bilik Lt Norma Zuraida bt Zakaria ('SP9'), timbalan pengarah pengurusan kem. Tertuduh dan pengadu ditanya apa tindakan yang ingin diambil dan tertuduh berkata jika pengadu tuduh dia, dia sanggup perkara itu dibawa ke peringkat polis dan membuat ujian perubatan. Walaupun tertuduh sanggup dan mencabar untuk dibawa kepada polis, pengadu merayu supaya jangan bawa perkara kepada polis kerana ia melibatkan maruah keluarga beliau. Oleh kerana pengadu sendiri yang merayu kepada SP9 supaya jangan bawa perkara tersebut kepada polis dan biar tuhan sahaja yang tentukan dan membuat keputusan untuk tidak membuat laporan polis.

[13] SP9 tidak mengambil tindakan selanjutnya kerana pengadu sendiri tidak rela dan juga takut berlaku apa-apa ke atas dirinya. SP9 juga memberitahu kepada pengarah kem Mejar Abdul Rahman Abdul Samad ('SP10') tentang perjumpaan itu dan memaklumkan pengarah kem pengadu tidak mahu membuat laporan polis walaupun pengadu mengadu beliau telah dirogol. Seterusnya, SP9 juga memberitahu bahawa pengadu telah memberitahu kepada beliau bahawa dia akan membuat sesuatu yang buruk kepada dirinya jika laporan polis dibuat. SP9 masih meminta pengadu pada 17 Mac 2004 untuk fikir panjang-panjang tetapi pengadu masih tidak hendak buat report dan SP9 juga tidak menghubungi ibu bapa pengadu. Seorang sarjan di kem tersebut ('SP8') juga ada meminta pengadu pada 17 Mac 2004 untuk membuat laporan polis tetapi beliau tidak ingin buat. SP8 juga menasihatkan pengadu untuk buat laporan polis tetapi pengadu masih tidak hendak buat. Pada 18 Mac 2004, SP9 memberitahu pengarah kem, Mejar (B) Abdul Rahman bin Ab Samad ('SP10') tentang perjumpaan SP8 dengan pengadu dan pengadu tidak mahu buat laporan dan pengarah kem berkata 'Tak apa lah'.

[14] SP9 sekali lagi memberitahu pengadu yang kes ini melibatkan maruah beliau dan jika dia dakwa dirogol kenapa dia tidak 'fight' untuk kes ini. Jawapan pengadu adalah tidak hendak kerana melibatkan nama baik keluarga. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa SP9 juga menyatakan reaksi tertuduh apabila diberitahu tentang aduan rogol di mana, tertuduh tidak puas hati tentang aduan rogol dan menafikan sekeras-kerasnya

dan dia sanggup dibawa ke pihak polis dan buat ujian perubatan. Perkara ini patut diambilkira di mana, reaksi pengadu adalah enggan membuat laporan polis walaupun dia mendakwa dirogol dan bersetuju untuk berdiam diri dan tidak mahu mendengar nasihat pegawai atasan. SP8 juga memberitahu bahawa setelah beliau memberitahu kem komander ('SP10'), kem komander memberitahu bahawa beliau akan cuba selesaikan. Seterusnya, mengikut SP8, beliau juga memberitahu bahawa dia dimaklumkan tentang kejadian rogol pada awal bulan Mac 2004.

[15] Mejar Abdul Rahman bin Ab Samad, Pengarah Kem Merang Setiu Kuala Terengganu ('SP10') ada memberi keterangan bahawa dia diberitahu tentang kejadian kes rogol pada bulan Mac 2004 oleh Lt Aida. Dia tidak buat laporan polis kerana pendapat beliau apabila pengadu tidak hendak buat laporan polis beliau anggap itu hak dia. Mejar berkata pada satu malam atau siang (beliau tidak ingat) pengadu dan Lt Aida ada jumpa dia dan dia tidak benarkan jumpa pengadu kerana semasa pengadu jumpa dia sebelum itu, pengadu tidak berkata sepatah pun bahawa dia telah dirogol. Apabila pengadu jumpa SP10, pengadu kelihatan biasa apabila dia dapat tahu pengadu tidak mahu buat laporan dia anggap kes itu telah selesai di peringkat pengurusan kem.

[16] Mahkamah ini mendapati di atas keseluruhan keterangan pendakwaan, kredibiliti pengadu diragui dan keraguan itu adalah munasabah di atas fakta dan kedaan kes keseluruhan ini. Seterusnya *conduct* pengadu dan tertuduh selepas tarikh kejadian sekiranya diambilkira, ia adalah lebih konsisten dengan *sexual intercourse* yang kononnya diadakan adalah dengan *consent* di mana pengadu adalah berumur 17 tahun pada masa kejadian tersebut berlaku dan tidak ada kesalahan rogol, di mana keterangan menunjukkan bahawa sekiranya terdapat *sexual intercourse*, kemungkinan itu adalah dengan persetujuan dan perkara ini masih tertakluk kepada pembuktian di atas tahap prima facie. Sekiranya didapati kedua-dua pihak bersetuju di mana keseluruhan keterangan pendakwaan membawa inferens dan sepatutnya didapati persetujuan, inferens yang memberi manfaat atau memihak tertuduh harus dipakai (rujuk kes *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948–1949] Supp MLJ 105 di ms 108; *Phoon Liat Sum v Public Prosecutor* [1950] MLJ 205). Dengan itu, perbuatan sekiranya didapati berlaku di antara pengadu dan tertuduh bukanlah satu kesalahan rogol di bawah undang-undang.

Where the prosecution evidence was such that the possibility of the accused having committed sexual intercourse with the prosecutrix with her consent could not be ruled out at the age of the prosecutrix appeared to be 17 years, conviction under s 376, IPC, cannot be sustained (rujuk kes *Kanhaiya v State of Chhattisgarh* [2006] (2) Crimes 327 (Chhattis)

[17] Pendapat hakim mahkamah sesyen yang bijaksana bahawa pengadu adalah seorang saksi yang telus dan bercakap benar adalah dengan segala hormatnya, bertentangan dengan berat keterangan keseluruhan dan apabila pertimbangan diberi secara penilaian maksimum. Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana berkata:

> Berhubung mangsa, saya mendapati bahawa beliau adalah seorang saksi yang telus dan bercakap benar. Kelewatan beliau membuat laporan polis telah diberi alasan yang kukuh dan munasabah.

[18] Mahkamah ini berpendapat dengan segala hormatnya bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah membuat satu pendapat fakta atau penumpuan kepada keterangan pengadu secara berasingan (in isolation) tanpa mengambilkira keterangan keseluruhan dan di atas penilaian maksimum. Mahkamah ini berpendapat dengan segala hormatnya, bahawa ini adalah satu kekhilafan di atas fakta dan undang-undang di mana ia telah membawa satu ketidakadilan kepada tertuduh dan mungkin mempengaruhi keputusan hakim mahkamah sesyen sehingga berlakunya ketidakadilan.

> Demeanor of witness is not always the touch stone of truth (rujuk kes *Tengku Mahmood v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 110; *Tara Singh and others v Public Prosecutor* [1949] MLJ 88 di ms 89).

[19] Seterusnya, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana juga telah terkhilaf apabila beliau mendapati bahawa menceritakan kejadian oleh pengadu kepada saksi-saksi kepada SP2 dan SP3 semasa di UPM dan kepada SP4, SP6, SP7, SP8, SP9, SP10 dan SP17 semasa di Kem Suria adalah sokongan kepada keterangan mangsa. Mahkamah ini berpendapat bahawa menceritakan kepada beberapa orang yang lain tentang kejadian bukanlah sokongan seperti ditafsirkan dari segi undang-undang (rujuk kes *R v Lillyman* [1896] 2 QB 167) Sepatutnya, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana harus menggunakan keterangan-keterangan daripada saksi-saksi tersebut adalah memihak tertuduh, di mana ada kemungkinan besar bahawa sekiranya perhubungan seks telah berlaku ia adalah lebih konsisten kepada persetujuan (concensual sexual intercourse) dan bukan rogol tetapi hakim mahkamah sesyen telah gagal membuat atau memberi pertimbangan sedemikian. Mahkamah ini berpendapat bahawa perkara-perkara ini menunjukkan bahawa tidak ada penilaian dibuat secara keseluruhan kepada keterangan saksi-saksi tersebut untuk menentukan sama ada satu kes prima facie telah dibuktikan oleh pendakwaan. Sekiranya hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah membuat penilaian kepada keterangan keseluruhan dan secara kehakiman, ada kemungkinan dan di atas jurang-jurang dan keraguan yang timbul dalam kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana patut membuat keputusan bahawa pendakwaan gagal membuktikan satu kes prima facie.

